

**Kuala Lumpur:** Penyelesaian menang-menang antara pemaju projek pembangunan semula Kampung Sungai Baru dan penduduk kawasan berkenaan perlu dilakukan bagi mengatasi kemelut kedua-dua pihak.

Bekas Ahli Parlimen Ti-tiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, wakil rakyat di kawasan berkenaan perlu memainkan peranan sebagai pendamai bagi kedua-dua pihak termasuk mengatur pertemuan bagi membincangkan penyelesaian terbaik.

Selain itu, menurutnya, pemaju juga perlu kreatif bagi mendapatkan keyakinan penduduk sebelum memulakan pembinaan di kawasan berkenaan.

"Ketika menjadi wakil rakyat di kawasan berkenaan sebelum ini tidak pernah saya berdepan keadaan sedemikian bagi setiap pembangunan di Kampung Baru, semua permasalahan berbangkit akan diselesaikan sebelum projek dimulakan.

"Isu di Kampung Baru ini berlaku apabila pemaju mahu membangunkan semula Kampung Sungai Baru dan kediaman sementara bagi penduduk yang terkesan dengan projek berkenaan tidak disediakan.

## PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA KAMPUNG SUNGAI BARU

# Penyelesaian menang-menang atasi kemelut

ngambil Tanah 1960 untuk mengusir penduduk, itu bukan strategi bagus kerana ia akan dapat satu masalah berbangkit di sekitar," katanya.

Johari yang juga Pengerusi Urmno Wilayah Persekutuan berkata demikian pada sidang media majlis Sambutan Aidilfitri 2022 yang turut dihadiri Pengerusi Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PPKB), Datuk Lokman Omar di pekarangan Pintu Gerbang Kampung Baru, semalam.

Mengenai penyelesaian

menang-menang kemelut itu, Johari mencadangkan supaya pemaju membuat perjanjian membabitkan penempatan sementara serta kadar pampasan akan ditawarkan kepada penduduk yang terjejas akibat projek pembangunan semula Kampung Sungai Baru.

Belau berkata, perjanjian itu juga perlu memperjelaskan kedudukan dan anggaran tempoh kepada penduduk untuk mendiami penempatan sementara di Kampung Sungai Baru apabila projek terbabit siap sepenuhnya nanti," katanya.

kenaan selepas projek pembangunan semula berkenaan siap sepenuhnya.

"(Pemaju) perlu sediakan juga perjanjian menjelaskan kepada semua penduduk Kampung Sungai Baru bila mereka akan dipanggil mendiami semula kawasan berkenaan selepas projek siap sepenuhnya, jika pemaju mahu menawarkan kadar pampasan lebih rendah berbanding pasaran.

"(Pemaju boleh) minta penduduk ambil dahulu pampasan yang dipersetujui dan mendiami penempatan sementara sebelum kembali menetap di Kampung Sungai Baru apabila projek terbabit siap sepenuhnya nanti," katanya.



JOHARI

"Kalau tiada penempatan sementara dan (pemaju) menggunakan Akta Pe-

## Penduduk Kampong Bharu mahu pembangunan, jaminan

**KUALA LUMPUR** – Majoriti penduduk dan tuan tanah di Kampong Bharu menginginkan pembangunan yang lebih selesa di kawasan tempat tinggal mereka.

Namun, jaminan untuk mereka terus kekal berada dalam zon Kampong Bharu perlu diutamakan oleh setiap pemaju.

Pengerusi Yayasan Bena Nusa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, setiap pemaju yang hadir untuk membangunkan kawasan Kampong Bharu ini perlu memastikan kebajikan penduduk sedia ada terbela.

“Mana-mana pemaju yang datang ke kawasan ini (Kampong Bharu) mereka perlu mengambilibil kira bagaimana nak selesaikan masalah penduduk yang dah tinggal berpuluh tahun di sini.


“Dekat mana mereka nak duduk sementara pembangunan nak dijalankan, terutamanya melibatkan pembangunan semula kawasan flat-flat,” katanya ketika ditemui di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022 Kampong Bharu, di sini semalam.

Jelasnya, sebelum sesebuah pembangunan dan naik taraf

dibuat, setiap pemaju perlu mempunyai strategi yang jelas dan berkesan agar tidak menyusahkan penduduk setempat.

Dalam pada itu, Johari memaklumkan program sambutan Hari Raya Aidilfitri semalam bertujuan untuk mengeratkan perpaduan dan hubungan sesama masyarakat selain menjadi produk serta tarikan pelancongan di Kampong Bharu.

Lebih 7,000 pengunjung hadir bermula pukul 11 pagi sehingga 2 petang dengan lebih 20 hidangan disediakan.



**JOHARI (tengah)** bersama sebahagian pengunjung yang hadir pada majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022 di Kampong Bharu, Kuala Lumpur semalam.

# Selenggara jalan antara punca KL sesak

ini dikesan semakin teruk selepas Aidilfitri lalu, perlu dikurangkan demi kesejahteraan pengguna jalan raya.

"Beberapa pendekatan akan dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan ia bukan sekadar kajian semata-mata, tetapi tindakan yang akan dilakukan mengikut fasa demi fasa bagi mengurangkan kesesakan.

"Apa yang penting ketika ini adalah pengurusan jajaran jalan raya di Kuala Lumpur dapat diselaraskan dan dapat mengurangkan kesesakan yang tidak sepatutnya berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Aidilfitri@Dataran Merdeka yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan DBKL, di sini, semalam.

Kira-kira 20,000 orang menghadiri majlis bermula dari jam 10 pagi hingga 2 petang yang disediakan pelbagai juadah disediakan oleh 120 masjid dan surau Jumaat, termasuk dari Putrajaya dan Labuan.

**DBKL ambil tindakan ikut fasa kurangkan kesesakan pada waktu puncak**

Oleh Tuty Haryanti  
Ahmad Rodzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerja pembalakan dan penyelenggaraan jalan pada waktu puncak menjadi antara faktor kesesakan luar biasa yang berlaku di ibu kota ketika ini.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, berkata masalah kesesakan adalah perkara biasa dan berlaku hampir di semua bandar besar, namun akunya perkara itu masih boleh ditelakkan.

Malah katanya, kesesakan yang berlaku di ibu kota ketika



Jalaluddin (tima dari kanan) bersama tetamu pada Majlis Sambutan Aidilfitri@Dataran Merdeka-anjuran JAWI dan DBKL di Dataran Merdeka, semalam. (Foto Fathil Astri/BH)



Orang ramai hadir pada Majlis Sambutan Aidilfitri@Dataran Merdeka, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Tan Sri Dr Mohd Daud Bakar dan Pengarah JAWI, Datuk Mohd Ajib Ismail. Terdahulu, Jalaluddin dilaporkan berkata, DBKL akan membuat kajian terperinci mengenai kaedah dan pendekatan mengurangkan situasi kesesakan lalu lintas yang dilihat kritikal.

Beliau dilaporkan berkata, antara aspek yang diberi perhatian, termasuk penyelarasan sistem lampu isyarat dan sistem pengurusan parkir yang menghalang lalu lintas.

Sementara itu, berkenaan air bertakung setiap kali banjir di ibu kota, Jalaluddin berkata, tindakan dan penyelenggaraan secara berterusan oleh DBKL giat dijalankan, termasuk melipatgandakan jumlah kakitangan.

Selain itu katanya, terdapat

juga pelan jangka panjang yang bakal dan sedang dalam pentadbiran jawatankuasa yang bakal dilaksanakan fasa demi fasa di ibu kota.

"Saya menjangkakan perkara tanya.

ini sudah pasti akan dapat diselesaikan, walaupun bukan 100 peratus, tetapi dalam kadar yang sewajarnya dapat mengurangkan kejadian seperti sebelum ini," katanya.

# Lebih 20,000 hadir jamuan Aidilfitri@Dataran Merdeka

Berita Harian • 29/5/22 (Ahad) • M/5:16

**Kuala Lumpur:** Lebih 20,000 orang menghadiri jamuan hari raya Aidilfitri@Dataran Merdeka yang diadakan bermula jam 10 pagi hingga 2 petang semalam.

Majlis dianjurkan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan 120 masjid dan surau Jumaat terpilih di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, menyediakan pelbagai juadah termasuk ketupat, lemang, nasi briyani, kambing golek untuk tetamu.

Pengarah JAWI, Datuk Mohd Ajib Ismail, berkata masjid dan surau Jumaat terpilih menyediakan gerai jamuan masing-masing dalam menyantuni tetamu dan menjamu hidangan secara

percuma kepada masyarakat dari pelbagai latar belakang, bangsa dan agama.

Katanya, konsep yang sama julung kali diadakan pada 2019 memabitkan 70 gerai sehingga tersenarai dalam The Malaysia Book of Records (MBR) bagi kategori Pengaturan Masjid Paling Banyak Dalam Acara Rumah Terbuka Hari Raya.

“Objektif utama Aidilfitri@Dataran Merdeka adalah untuk menjalin silaturahim dalam kalangan Keluarga Malaysia khususnya masyarakat sekitar Wilayah Persekutuan. Program ini juga diharapkan dapat membentuk semangat kerjasama dan persaudaraan dalam kalangan jawatan-kuasa masjid di Wilayah Persekutuan.

“Ia juga diharap dapat menye-

mai sifat cakna dan prihatin terhadap golongan yang kurang berkemampuan serta memasyarakatkan dan mempromosi masjid di Wilayah Persekutuan sebagai pusat penyatuan ummah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis berkenaan yang diselenggarakan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias dan turut dihadiri Pengurus Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Tan Sri Dr Mohd Daud Bakar.

Mohd Ajib berkata, selain jamuan hari raya, beberapa aktiviti turut diadakan termasuk persembahan istimewa kumpulan nasyid Rabbani dan sumbangan duit raya berjumlah keseluruhan RM35,000 kepada 616



Orang ramai mengambil juadah pada majlis Aidilfitri@Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Fathil Asri/BH)

penerima terdiri daripada anak-anak yatim, asnaf, pelajar tahfiz serta kanak-kanak.

“Turut disumbangkan adalah 1,700 naskhah waqaf al-Quran

kepada masjid, surau dan se-kolah tahfiz sekitar Mentakab, Pahang; Kuala Terengganu dan Taman Sri Muda, Shah Alam,” katanya.

## Pembangunan Kampung Sungai Baru

# Pemaju perlu cari penempatan sementara

### Penyelesaian menang-menang mampu yakinkan penduduk

Oleh **Muhammad Yusri Muzamir**  
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Isu pembangunan semula Kampung Sungai Baru di sini, yang tercetus antara penduduk dan pemaju perlu diatasi menerusi penyelesaian menang-menang.

Bekas Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata pemaju projek berkenaan perlu kreatif bagi mendapatkan keyakinan penduduk sebelum memulakan pembinaan di kawasan berkenaan.

Selain itu, katanya, wakil ra-

kyat kawasan berkenaan perlu memainkan peranan sebagai pendamai bagi kedua-dua pihak, termasuk mengatur pertemuan bagi membincangkan penyelesaian terbaik.

Beliau berkata, pihaknya tidak pernah berdepan keadaan sedemikian bagi setiap pembangunan di Kampung Baru, ketika beliau menjadi wakil rakyat di situ sebelum ini, dengan semua permasalahan berbangkit diselesaikan sebelum projek dimulakan.

"Isu di Kampung Baru ini berlaku apabila pemaju mahu membangunkan semula Kampung Sungai Baru dan kediaman sementara bagi penduduk yang terkesan dengan projek berkenaan tidak disediakan.

"Kalau tiada penempatan sementara dan (pemaju) menggunakan Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk mengusir penduduk, itu bukan strategi bagus kerana akan wujud masalah berbangkit.

"Sebab itu saya tidak setuju dengan pengambilan tanah ini. Kita kena adakan perbincangan membabitkan pemaju dan sebilangan penduduk yang tak dapat selesaikan masalah mereka kerana mahu tahu ke mana mereka akan dipindahkan," katanya.

Johari yang juga Pengerusi UMNO Wilayah Persekutuan berkata demikian pada sidang media Sambutan Aidilfitri 2022 yang turut dihadiri Pengerusi Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PPKB), Datuk Lokman Omar di pekarangan Pintu Gerbang Kampung Baru di sini, malam.

Mengenai penyelesaian menang-menang itu, Johari mendangkannya supaya pemaju membuat perjanjian membatalkan penempatan sementara serta kadar pampasan akan ditawarkan kepada penduduk yang terjejas akibat projek pembangunan semula Kampung Sungai Baru.

Beliau berkata, perjanjian itu

perlu memperjelaskan kedudukan dan anggaran tempoh kepada penduduk untuk mendiami penempatan sementara sebelum mereka boleh mendiami semula kawasan berkenaan selepas projek pembangunan siap.

"(Pemaju) perlu sediakan juga perjanjian menjelaskan kepada semua penduduk Kampung Sungai Baru bila mereka akan dipanggil mendiami semula kawasan berkenaan selepas projek siap, jika pemaju mahu menawarkan kadar pampasan lebih rendah berbanding pasaran.

"(Pemaju boleh) minta penduduk ambil dahulu pampasan di persetujuan dan mendiami penempatan sementara sebelum kembali menetap di Kampung Sungai Baru apabila projek siap nanti," katanya.

Beliau juga mencadangkan pemaju menyediakan perjanjian menjelaskan perincian jumlah pampasan ditawarkan kepada penduduk yang terkesan dengan

projek pembangunan semula di Kampung Sungai Baru, terutama jika ia di bawah kadar pasaran.

"Contohnya, jika pemaju harnya menawarkan pampasan bernilai RM250,000 mereka perlu perjelaskan kenapa ia ditetapkan sedemikian kerana penduduk pasti tak mampu membeli rumah baharu dengan nilai yang jauh di bawah kadar pasaran semasa.

"Selain itu, perincian tempoh penduduk perlu mendiami penempatan sementara. Takkan mereka perlu tunggu sehingga 20 tahun baru boleh kembali menetap di Kampung Baru, jika tiada perjanjian jelas mengenai hal sedemikian dikemukakan.

"Segelintir penduduk yang sudah berpindah sebelum ini pun dah masuk empat-tahun tetapi tak balik lagi (ke Kampung Baru). Ini antara sebab kenapa sebahagian lagi penduduk di sini semakin takut dan tidak yakin untuk menggadaikan rumah mereka kepada pemaju," katanya.

Johari beramah mesra bersama tetamu pada Sambutan Aidilfitri 2022 di pekarangan Pintu Gerbang Kampung Baru Kuala Lumpur, semalam. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)



## Selangor

First phase of Lembah Jaya Green Corridor at Dusun Bandar Taman Kosas to be completed by year end >4



## Johor

Foundation donates 3,000 Malaysian-made easy-to-use PCR test kits to state Education Department >5



## Penang

Derelict phone booths given novel twist to start new chapter as mini libraries along Beach Street >8

# Knotty MESS to untangle

Pipes and utility cables inside drains and illegal building extensions in Kuala Lumpur are constricting the flow of water. Adding to the problem is rubbish thrown into drains that get trapped among the tangle, contributing to flash floods. **Kuala Lumpur City Hall** says it will remove the obstructions and ensure utility contractors follow procedures. >2&3



**Ugly sight:** Multiple water pipes clog drains in Jalan Barat, Kuala Lumpur and carelessly discarded rubbish get trapped, ultimately causing water to overflow. — LOW LAY PHON/The Star



# PETS Carnival

4 TO 6 JUNE 2022  
11AM - 6PM  
M - FLOOR, BURMA ROAD





**TRAFFIC MATTERS**

> There will be a continuation of temporary full road closures and traffic diversions along Persiaran Kerjaya, Shah Alam (both Shah Alam and Subang/Kuala Lumpur-bound) from May 31 to Aug 31, 11pm to 5am to facilitate LRT3 project-related works.

> There will be a continuation of intermittent lane closures and traffic diversions on the New Klang Valley Expressway (NKVE) near KM 14.1 (Kuala Lumpur / Sungai Buloh-bound & Shah Alam / Subang-Bound) to facilitate LRT3 project-related works from June 1 to Aug 31, 11pm to 5am.

> There will be a continuation of road closures in stages at Jalan Bridge 21/64 (from Petron to Kayu Ara Business Park) to facilitate LRT3 project-related works from June 1 to Sept 30 from 10pm to 6am.

**CALLING FOR ENTRIES**

Tourism Selangor is calling for entries by artists, designers and craft makers in Tukang – Selangor Craftmanship Festival 2022. Interested individuals or groups can submit their proposals on new innovative ideas in crafts and art products. Deadline is June 12 and there is no entry fee. Successful applicants will receive RM10,000 for the production of the artwork or product and the opportunity to exhibit their crafts at the festival. There will also be a free online workshop on submission guidance on June 2, 8pm to 10pm. To register, visit [www.shorturl.at/jx1NU](http://www.shorturl.at/jx1NU). For details of the festival, visit <https://selangor.travel/tukang>.

**ALL ABOUT MUSIC**

> Kuala Lumpur City Hall's orchestra will put on a musical tribute to Sabah and Sarawak at 8.30pm on June 4 at Jalan Raja, Dataran Merdeka.

> Kuala Lumpur City Hall's orchestra will host a free community music programme for students at D'Studio, Kuala Lumpur Library to introduce various orchestral instruments: horn (June 4), flute (June 11), viola (June 18) and oboe (June 25). Each session will include the introduction from 10am to 11am, followed by ukulele classes from 11am to noon. To register, visit <https://bit.ly/3GosoWA>.

**INPUT ON BUDGET**

Kuala Lumpur City Hall (DBKL) is gathering public input to draft its budget for 2023. Among issues being considered are city cleaning, roads, drainage, public housing maintenance, hawkker management and recreational facilities. Submit feedback at <https://sites.google.com/view/ideabelanjawan2023> until May 31. For details, call 03-2617-9000 or hotline 1-800-88-3255.

**VOLUNTEER TRAINING**

Befrienders Ipoh will train new hotline volunteers at its centre in Fair Park from June 11 to 19. The programme is open to volunteers aged 21 and above. Registration ends on May 31. For details, WhatsApp 012-534 0063.

**WRITING CONTEST**

University of Nottingham and Maya Press are organising and sponsoring a short story competition. Stories must be written in English, be on any theme or subject, between 2,000 and 3,000 words and must be unpublished and original. Each author can submit a maximum of two essays. Open to Malaysians over 18 years of age. Deadline is June 1. For details, visit [shorturl.at/rBFTY](http://shorturl.at/rBFTY)

# Rolling up sleeves to clear drains

DBKL tackles serious cases of clogging by utility cables while Ikram compiles inventory of problem sites

Stories by BAVANI M [bavanim@thestar.com.my](mailto:bavanim@thestar.com.my)

THOUSANDS of kilometres of polypipes, water pipes, fibre optic cables built inside and outside drain canals and over culverts are disrupting the flow of rainwater during downpours and are a major factor causing flash floods in Kuala Lumpur.

The Public Cleansing Corporation (SWCorp) Federal Territories says these cables and pipes are illegally installed.

The pipes and cables can be seen jutting out in hundreds of areas around the city, particularly the central business district.

Bunches of cables that were lining drains were spotted around the areas of Bukit Bintang, Pudu, Changkat Bukit Bintang, Jalan Sultan Ismail and Chow Kit.

Some of the drains are in such a poor state that they are unable to cope with the volume of water during heavy rain.

Plastic waste like mineral water bottles and cups that end up in the drains are getting entangled with the cables and polypipes. This hampered the movement of water, causing the drains to overflow.

Alam Flora workers who spoke to *StarMetro*, on condition of anonymity, complained about their back-breaking efforts to manually pull out the waste, piece by piece, as they were afraid of damaging the cables.

"It (cables) should not be there. The drains should be covered (so that cables cannot be put in) but it's like this everywhere," said the worker.

**"We hope the public can point us to areas with cables inside drains. They are illegal."**

Datuk Azmi Abdul Hamid



"Some (cables) are over 15cm thick and it makes it very difficult and time consuming to clear the clog," the worker added.

*StarMetro* spoke to several shop owners where cables could be seen inside drains beside their premises, but none took responsibility, with all claiming they had no knowledge of it.

It was easy to identify the water pipes as they were connected to a water meter, but there were also dozens of other unidentifiable cables.

Some premises owners had tiled the public walking paths, covering the drains and built extensions, blocking the drains completely.

Polypipes attached to water metres were spotted inside the drains, extending over walls, drain culverts and road kerbs.

DBKL Project Implementation executive director Datuk Azmi Abdul Hamid said the Malaysian Institute of Public Works (Ikram) would be compiling an inventory of drains clogged with utility cables.

An Alam Flora worker crawls into a culvert in Jalan Petaling to remove sediment and construction debris after a downpour in KL. — Photo courtesy of SWCorp



## Nowhere for water to flow

Drains blocked with utility cables one reason for recent floods, says Alam Flora



Because of these cables and other obstacles, we cannot clean the drains using our modern machinery.

He said DBKL would take immediate action to solve the more serious ones of drains clogged with cables.

"We hope the public can point us to areas with cables inside drains. These are illegal," he said.



**Flashback:** *StarMetro* article in May 2016 showed Alam Flora stating that illegal utility cables and wires inside drains hampered water flow.

Azmi said DBKL's Public Service Delivery Team (PSDT) would be checking the drains before its consultants came up with a permanent solution at the end of the year.

"We will get the team to

## Damage caused by utility fixtures and contractors

UTILITY companies whose cables and pipes are found inside drains, monsoon drains or manholes are partially responsible for Kuala Lumpur's flash flood problem and must take responsibility for the damages, says Public Cleansing Corporation (SWCorp) Federal Territories director Ummi Kalthum Shuib.

"I have seen it myself when I went to the ground recently with Kuala Lumpur mayor Datuk Seri Mahadi (Che Ngah).

"I saw the cables and pipes clogging the inside of drains and saw so many cables jutting out of drains, with rubbish stuck inside.

"I was furious and I told the mayor that he must take action.

"I have sent letters to utility companies asking them to monitor the works of their contractors, which (tend to be) shoddy," she said.

Ummi Kalthum said utility companies should come up with better standard operating procedures when cleaning up waste after their contractors finish work.

"They have to take responsibility for this," she added.

Local Agenda 21 (LA21) secretary and coordinator A. Ghani



Leong says polypipes should not be put inside drains.

Mohamed agreed with Ummi Kalthum that companies should, involved in clean-up efforts as they were also responsible for the me

Following massive flooding on April 25, DBKL launched 14 inter measures targeting 25 flash flood prone areas in the city.

The mayor said part of the measures involved public participation of clean-up activities in flood hotspots of all 11 parliamentary areas," said Ghani.



Alam Flora workers clearing sand and sediment from a construction site that washed onto a road. — Photo courtesy of SWCorp



Polypipes jutting out under a haphazardly placed drain cover at Jalan Walter Grenier. — BAVANI M/The Star



A drain congested with polypipes and rubbish in Jalan Barat. — LOW LAY PHON/The Star

supervise utility contractors at the sites," he added. Kuala Lumpur mayor Datuk Seri Mahadi Che Ngah had recently announced 14 interim measures to target 25 flash flood-prone areas in the capital.

Costing RM10mil, the Flood Mitigation Action Plan 2020 measures included ensuring the city drains were free from obstruction. Mahadi said workers from PSDT would ensure the drains

were free of rubbish, tree branches, utility pipes and cables.

In April, DBKL appointed Ikram as the consultant to study the drainage system in Kuala Lumpur.

An Air Selangor representative confirmed the pipes with water meters belonged to the utility company.

"Yes, the ones with meters are water pipes. Air Selangor is gradually replacing pipes in drains with those that are placed underground."

In May 2016, Alam Flora chief executive officer Datuk Mohd Zain Hassan said illegal utility cables and wires inside drains had contributed to floods.

To prove his point, Mohd Zain took reporters to the flood hotspots and randomly selected manholes and drains that were choked with rubbish as well as the bunches of cables and polypipes inside.

Despite that revelation, illegal cables and pipes inside drains and manholes continue to be a problem today.



The Public Service Delivery Team clearing clogged drains in Jalan Besar Kepong after heavy rain. — Photo courtesy of DBKL

A drain in Jalan Imbi is also choked with trash that will hamper the flow of rainwater. — LOW LAY PHON/The Star



Ummi Kalthum wants KL mayor to take action against errant companies.

"He suggested plogging activities twice a week and creating litter-free zones.

"I think this is a good idea and utility companies should also participate. Perhaps then they will understand just how serious the problem is," Ghani added.

Bukit Bintang Central Environment Committee (BBCEC) chairman Simon Leong said they should not put polypipes inside the drains.

"There are better ways of doing things. I agree they should help out in

cleaning activities. We are having a plogging activity on June 10 and a massive gotong-royong session on July 23 in Bukit Bintang. We hope to see their people participate," added Leong.

SWCorp wants DBKL to take action against contractors whose construction debris and sand from work sites have washed into drains and clogging the waterways.

Ummi Kalthum cited the case of a construction site in Kuala Lumpur responsible for some 10 tonnes of sediment, silt and sand



Ghani says utility companies should send clean-up crews.


being washed into drains and roads in the area recently.

In February, the same construction company was responsible for 18 tonnes of debris washing onto roads and into drains.

"Alam Flora removed the silt and sand from almost 1km stretch of the road. It took the company hours to clean up," said Ummi Kalthum.

"There were no proper outlets for the discharge of the runoff.

"Developers and contractors need to come up with better SOPs and take responsibility," she added.



Runoff from a construction site pouring into a drain in Jalan Petaling. — Photo courtesy of SWCorp

## Dalam Negeri

# Kampung Baru: Pindah penduduk perlu teratur

Oleh ASLINDA NASIR  
aslinda.nasir@mediamulla.com.my

**KUALA LUMPUR:** Perancangan perpindahan penduduk Kampung Bharu, di sini bagi tujuan pembangunan perlu dilakukan dengan lebih teratur.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Kampung Baru, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, ia mengambil kira lokasi penempatan sementara yang perlu disediakan sebagai kemudahan kepada mereka.

“Majoriti tuan tanah minta mau buat pembangunan. Tetapi apabila mau buat, kena pastikan tidak terkeluar dari Kampung Baru. Jadi, mana-mana pemaju yang datang nak buat pembangunan di sesuatu kawasan, mereka perlu selesaikan masalah penduduk. Mana nak tinggal, sementara nak tunggu pembangunan ini siap.

“Kalau saya pemaju, nak bagi duit tak cukup, macam mana nak pindah sementara?” soalnya ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Kampung Baru anjuran Perbadanan Pembangunan Kampung Baru (PKB), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Cawangan Titiwangsa, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Titiwangsa



**JOHARI** Abdul Ghani (tengah) beramah mesra dengan pengunjung sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022 Perbadanan Pembangunan Kampung Baru di Kampung Baru, Kuala Lumpur, semalam.  
- MINGGUAN/AFIQ RAZALI

dan Yayasan Bena Nusa.

Turut hadir Timbalan Menteri Wilayah, Datuk Seri Jaluddin Alias.

Hampir 4,000 pengunjung semua lapisan masyarakat menghadiri majlis itu yang bermula

pukul 11 pagi hingga 2 petang.

Sementara itu, Johari berkata, beliau menggunakan kesempatan hari terbuka Aidilfitri berkenaan untuk bertemu dengan masyarakat khususnya dalam Parlimen Titiwangsa.

“Saya buat bersama empat pihak untuk memanggil semua penduduk berkumpul khususnya di Parlimen Titiwangsa. Kita panggil semua masyarakat, kita guna kawasan lapang ini untuk jumpa orang,” katanya.

## Rasuah: PAC panggil MOF, SPRM

**PETALING JAYA:** Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kementerian dan agensi kerajaan lain untuk memberi penjelasan berhubung pengauditan terhadap perolehan dan perbelanjaan kerajaan bagi perkhidmatan perubatan yang didakwa berlaku penyelewengan rasuah.

Pengerusinya, Wong Kah Woh berkata, pihaknya menggunakan punca kuasa selaras di bawah Peraturan Mesyuarat 77 (1) dan Peraturan Mesyuarat 77 (5) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan Seksyen iii, Perkar 11 (b), Pekeliling Am No. 2 (1982) untuk memanggil pihak terlibat.

Katanya, hal tersebut diputuskan setelah beliau memaklumkan secara rasmi kepada Ketua Audit Negara kelmarin supaya Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan khas terhadap perolehan dan perbelanjaan kerajaan untuk khidmat perubatan ketika negara berdepan pandemik Covid-19.

“Pengauditan ini harus disegerakan dengan dapatkan dan hasil dibentangkan kepada PAC supaya jawatan kuasa ini dapat mengenal pasti wujud unsur penyelewengan, pemborosan dan penyalahgunaan kuasa dalam perolehan perkhidmatan perubatan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Baru-baru ini, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki menerusi ucapatama pada Forum Antirasuah Malaysia Ke-3 (MACF) mendedahkan, wujud aktiviti penyelewengan rasuah membabitkan perolehan perkhidmatan kesihatan.

## 4,373 pemandu bawah umur maut nahas

**PETALING JAYA:** Sikap ibu bapa yang mengikut kehendak anak-anak dengan membenarkan mereka menunggang motosikal atau memandu kenderaan tanpa lesen, mengundang padah apabila sejumlah 4,373 kematian melibatkan mangsa berusia bawah 16 tahun direkodkan dalam tempoh lima tahun lalu.

Jumlah itu melibatkan 9,202 kes kemalangan mangsa berusia bawah 16 tahun yang direkodkan Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman di seluruh negara sejak 2018 sehingga April lalu.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Pengarah JSPT, Datuk Mat Kasim Karim berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 1,880 remaja dilaporkan parah manakala 1,703 lagi cedera ringan selepas terlibat dalam ke-

malangan.

“Mengikut rekod, kes tertinggi dilaporkan adalah pada 2019 apabila sebanyak 2,568 kemalangan dengan 1,435 kematian membabitkan individu bawah usia 16 tahun.

“Sebanyak 2,343 kes lagi direkodkan pada 2018 dengan 1,479 kematian diikuti 2020 (1,744 kes, 434 kematian) dan 2021 (1,643 kes, 530 kematian) manakala awal tahun ini sehingga April lalu (904 kes, 233 kematian),” katanya di sini baru-baru ini.

Katanya, kemalangan paling banyak direkodkan adalah membabitkan mereka yang menunggang motosikal dengan sejumlah 3,893 kes dicatatkan diikuti memandu kereta (3,333 kes), lori (749), kenderaan pacuan empat roda (479), basikal (133), van (132), bas (84) dan

lain-lain (399).

“Walaupun trend kemalangan membabitkan kanak-kanak bawah umur ini tidak menunjukkan angka besar, jika dilihat masih ada yang bertindak menggunakan jalan raya mengikut kehendak diri,” ujarinya.

Jelasnya, sikap pemandu yang tidak bertanggungjawab yang suka mencelah, menghinipit, melanggar lampu isyarat, memecut sesuka hati di laluan tidak sepatutnya selain berlumba di jalan raya juga menjadi faktor kemalangan.

“Ada juga kes kita dapati pergerakan remaja bawah umur ini di luar pengetahuan ibu bapa.

“Masalah teknikal kenderaan seperti pengubahsuaian terlampau pada motosikal dan kenderaan yang dinaiki mereka ini juga menjadi penyumbang berlaku

nahas yang tinggi,” jelasnya.

Tegasnya, ibu bapa atau penjaga boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 39(5) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 yang membawa hukuman denda tidak kurang dari RM2,000.

Tambahnya, tindakan juga boleh dikenakan mengikut Seksyen 33 Akta Kanak-Kanak 2001 ke atas ibu bapa atau penjaga selain tindakan saman K257 di bawah Seksyen 26(1) APJ 1987.

Dalam kes terbaharu, seorang pematong rumput warga Myanmar, Cinglowpa, 20, maut dan rakannya berusia 33 tahun patah bahu kanan dirempuh kenderaan pelbagai guna (MPV) yang dipandu remaja 16 tahun ketika mereka berehat di bahu jalan di Jalan Pintasan Semeling, berhampiran Taman Malinja, Bedong, Kedah pada 7 Mei lalu.